

PM: Bukti rakyat tolak politik kasar

UM 28 SEP 2001
Oleh NORAINI ABDUL RAZAK

KUALA LUMPUR 27 Sept. -- Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan kekalahan teruk parti pembangkang dalam pilihan raya negeri Sarawak sebagai bukti rakyat menolak politik kotor dan kasar yang dibawa ke negeri itu.

Perdana Menteri berkata, keputusan pilihan raya itu juga menunjukkan cara yang dibawa oleh Pas dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) tidak dapat diterima oleh majoriti rakyat Sarawak dan Semenanjung.

"Cara kasar ini bukan budaya kita dan saya harap orang lain juga menolak cara ini," katanya ketika di wawancara oleh RTM selepas kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya Sarawak malam ini.

Beliau mengulas kekalahan teruk parti pembangkang khususnya Pas dan Keadilan yang gagal meraih sebarang kerusi pada pilihan raya negeri kali kelapan itu.

Pada pilihan raya ini Pas bertanding di tiga kawasan dan seorang calonnya hilang wang pertaruhan, manakala, Keadilan kecundang di 25 kawasan dengan 11 calonnya hilang wang pertaruhan.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Ba-

risan Nasional (BN) berkata, beliau gembira dengan keputusan itu yang disifatkannya sebagai lebih baik berbanding pilihan raya negeri pada tahun 1996.

Pada pilihan raya kali ini, BN memperolehi 60 kerusi manakala masing-masing satu kerusi oleh DAP dan calon Bebas.

Menurut beliau, keputusan cemerlang BN Sarawak itu membuktikan pemerintahan BN di bawah pimpinan Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud diterima oleh rakyat kerana banyak membawa pembangunan di negeri itu.

Mengulas lanjut, beliau berkata, rakyat menolak Pas dan Keadilan yang menggunakan cara kotor, taktik mengugut dan menakutkan pengundi kerana cara itu tidak demokratik.

Dr. Mahathir berkata, kemenangan besar BN juga merupakan petunjuk bahawa rakyat kini mempunyai sikap mesra BN berbanding pada pilihan raya umum 1999.

Beliau mendapati rakyat tidak mesra terhadap BN dan dirinya sendiri pada pilihan raya tersebut kerana tindakannya memecat bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Ketika itu saya dianggap menganiaya seseorang kerana dia tidak layak menjadi pemimpin pada masa depan.

"Tetapi sebagai Perdana Menteri, saya

tahu apa yang tidak baik tanpa mengambil kira sama ada tindakan itu popular atau sebaliknya," katanya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, rakyat kini sedar tindakan itu merupakan usaha-usaha menyelamatkan negara daripada seorang tidak layak jadi pemimpin.

Mengenai isu perpecahan Melayu Sarawak, katanya, perkara itu ditimbulkan oleh orang yang cuba menimbulkan perpecahan di kalangan masyarakat Melayu negeri itu.

Menurut Perdana Menteri, tiada perbezaan antara Melayu dan Melanau yang turut dikenali sebagai Melayu Melanau kerana kedua-duanya mengamalkan budaya dan agama yang sama.

Perdana Menteri mengingatkan semua calon yang dipilih oleh rakyat supaya menunaikan janji-janji mereka semasa kempen sebagai balasan kepada kepercayaan yang telah diberi oleh pengundi.

"Jangan mungkir janji kalau buat macam itu bukan saja mereka rosak parti pun akan rosak," katanya.

Dr. Mahathir berkata, menjadi tanggungjawab sebagai individu untuk menjalankan tugas mereka menentukan kerajaan memperhambakan diri kepada rakyat.